

21/03/1997

PM lawat Kelantan

KOTA BHARU, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja sehari ke Kelantan pada 4 April ini.

Lawatan Perdana Menteri kali ini adalah kesinambungan daripada siri lawatan beliau ke beberapa negeri yang sudah dilawati seperti Perlis, Terengganu, Pahang dan Johor.

Bagaimanapun, dalam siri lawatan ke Kelantan, Perdana Menteri tidak akan mengadakan perjumpaan politik dengan pemimpin Umno negeri dan Barisan Nasional (BN).

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata lawatan Dr Mahathir ke Kelantan kali ini adalah lawatan kerja biasa Perdana Menteri.

Sempena lawatan itu, Perdana Menteri dijangka merasmikan beberapa kilang dan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) yang dianjurkan sektor swasta di negeri ini.

"Beliau juga akan mengadakan perjumpaan dengan pegawai kerajaan dan ahli perniagaan serta sektor industri di Kelantan. Jadi, dalam lawatan kali ini tidak ada perjumpaan politik," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat BN, di pejabat BN, di sini hari ini.

Annuar juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, Perdana Menteri dijangka tiba kira-kira jam 8.45 pagi di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, di Pengkalan Chepa dan pulang kira-kira jam 6.30 petang.

Menurutnya, aturcara lawatan itu sedang diatur oleh pejabat Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Beliau berkata, lawatan Dr Mahathir itu diharap menjadi pendorong kepada pelabur untuk melihat Kelantan sebagai destinasi berpotensi untuk melabur dalam pelbagai projek.

(END)